

Maklumat Kos Projek Pembinaan



1 Apakah tujuan program ini dilaksanakan?

CIDB Malaysia sedang menjalankan kajian pengumpulan maklumat data kos pembinaan untuk kerja-kerja bangunan dan kejuruteraan awam. Kajian ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan CIDB Malaysia untuk menyediakan maklumat kos pembinaan terkini, semasa dan tepat pada masanya kepada komuniti pembinaan di Malaysia. Hasil daripada pengumpulan maklumat kos pembinaan ini akan memberi nilai tambah kepada industri pembinaan dan akan menjadi maklumat kos yang sangat berguna kepada industri pembinaan di dalam merancang sesuatu pelaburan dan keutamaan sesuatu projek pembinaan.

2 Bagaimanakah pihak kontraktor menghantar segala maklumat yang diperlukan?

Pihak kontraktor perlu mengemukakan maklumat seperti yang dinyatakan di dalam pautan yang diterima melalui emel syarikat. Dokumen sokongan yang diperlukan perlu dimuat naik ke dalam sistem secara atas talian. Tiada Salinan fizikal diperlukan untuk tujuan kajian ini.

3 Apakah format dokumen yang diperlukan untuk dimuatnaik ke dalam sistem tersebut?

Pihak kontraktor perlu memastikan segala dokumen yang diperlukan dimuat naik dalam format PDF sahaja, termasuk semua jenis lukisan dan juga Bills of Quantities (BQ).

4 Adakah arahan ini satu kewajiban kepada pihak kontraktor?

Permohonan maklumat ini adalah selaras dengan Peruntukan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), Seksyen 34B (1). Di bawah seksyen ini, adalah menjadi kewajipan kontraktor untuk memberitahu dan mengemukakan apa-apa maklumat dan dokumen yang dikehendaki oleh Lembaga berhubungan dengan kerja pembinaan. Kegagalan mengemukakan maklumat tersebut merupakan satu pelanggaran kewajipan oleh kontraktor dan tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pihak kontraktor.

5 Apakah tindakan yang akan dikenakan jika kontraktor gagal mengemukakan maklumat tersebut?

Kegagalan pihak kontraktor mengemukakan maklumat yang diperlukan merupakan satu pelanggaran kewajipan oleh kontraktor. Tindakan tatatertib boleh diambil iaitu pendaftaran syarikat dengan pihak Lembaga boleh ditarik balik atau digantung.

6 Bagaimana jika maklumat projek yang perlu dikemukakan adalah projek yang telah ditamatkan kontrak (termination)?

Jika projek yang dinyatakan telah ditamatkan kontrak, pihak kontraktor perlu mengemukakan dokumen sokongan berkenaan penamatan kontrak (termination) projek tersebut.

7 Bagaimana jika pihak kontraktor menghadapai masalah semasa mengisi borang?

Pihak kontraktor boleh menghubungi kami di talian 03-4040 0399 untuk sebarang bantuan.

8 Berapakah mata CCD yang akan diperolehi oleh kontraktor setelah mengemukakan maklumat projek dengan lengkap?

Pihak CIDB akan menganugerahkan 5 mata CCD bagi setiap maklumat projek yang dikemukakan secara lengkap. Jika pihak kontraktor mengemukakan 2 maklumat projek dan telah disahkan lengkap oleh CIDB maka pihak kontraktor layak mendapat 10 mata CCD.

9 Bagaimanakah pihak kontraktor boleh menuntut mata CCD?

Bagi mana-mana kontraktor yang layak mendapat mata CCD, pihak CIDB akan mengeluarkan Surat Penganugerahan Mata CCD setelah proses semakan dan pengesahan maklumat projek selesai. Pihak kontraktor akan menerima surat tersebut melalui emel.